

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
(KOTA BHARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2015

Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) sejauh manakah Regim Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) berjaya membendung aktiviti pengubahan wang haram (*money laundering*) di negara ini; dan

(b) berapakah jumlah kes pengubahan wang haram yang telah dibawa ke mahkamah dan berapa pula yang telah diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sejak Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLA) diperkenalkan pada tahun 2001, pelbagai usaha telah dilakukan oleh agensi-agensi pengawal selia, penyeliaan dan penguatkuasaan bagi memastikan aktiviti pengubahan wang haram dapat dibendung dengan lebih berkesan.

Pada peringkat kebangsaan, Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram yang ditubuhkan sejak 2002 memainkan peranan yang penting bagi memperkukuh kerjasama antara pelbagai agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan pelbagai agensi lain yang berkaitan yang bertanggungjawab untuk menyelaras inisiatif dasar dan strategik antara agensi untuk membanteras kegiatan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Perkembangan penting terbaharu adalah pindaan terhadap *Anti-*

money Laundering Act (AMLA) telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 2014 untuk mengukuhkan kuasa-kuasa penyiasatan di bawah AMLA dan memasukkan kesalahan berat yang baru seperti kesalahan berkaitan jenayah terancang di bawah Kanun Keseksaan. Tindakan tegas juga telah diambil ke atas institusi-institusi pelapor bagi memastikan mereka mematuhi kehendak pelaporan yang meliputi pelaksanaan prosedur usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*), penyimpanan rekod dan pelaporan transaksi yang mencurigakan.

Rejim Pencegahan Pengubahan Wang Haram/ Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) yang kukuh adalah amat penting dalam membendung aktiviti jenayah berat atau pengubahan wang haram dengan lebih berkesan. Ini kerana dari segi undang-undang AMLA, walaupun tertuduh dilepaskan daripada tuduhan jenayah, mahkamah diberi kuasa untuk melucuthakkan harta sekiranya mahkamah mendapati hasil tersebut datang daripada aktiviti haram. Hal ini berupaya membendung aktiviti jenayah daripada berterusan kerana penjenayah disekat daripada menikmati hasil daripada aktiviti haram tersebut.

Usaha-usaha yang diambil oleh Malaysia telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Hasilnya, negara telah dipilih dari lebih 30 negara untuk menjadi negara pemerhati dan dipertimbang bagi menjadi ahli *Financial Action Task Force* (FATF) iaitu sebuah badan bebas antara kerajaan yang bertanggungjawab dalam menetapkan piawaian pencegahan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan senjata pemusnah besar-besaran di peringkat antarabangsa.

(b) Menurut statistik daripada Jabatan Peguam Negara, dari tahun 2009 hingga 2014, mahkamah telah berjaya melucuthakkan harta bernilai RM60 juta daripada kes-kes yang disiasat di bawah AMLA. Sepanjang tempoh tersebut, 129 kes telah dibawa ke mahkamah di mana 76 kes telah diselesaikan. Kes-kes yang didakwa kebanyakannya melibatkan jenayah penipuan dan selebihnya jenayah rasuah dan lain-lain.